

ISU PERCANGGAHAN ANTARA KORPUS DENGAN RUMUS DI DALAM KAMUS: PERANAN DAN SUMBANGAN ILMU LINGUISTIK TEORETIS

Zaharani Ahmad

Abstrak

Kamus dapat dianggap sebagai satu pangkalan data yang menghimpunkan seluruh perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa yang meliputi kata dasar dan juga kata terbitan. Proses pembikinan kamus, khususnya kamus umum, lazimnya bersifat deskriptif, iaitu penyenaian kata dibuat berdasarkan data korpus yang kontemporari sifatnya yang melambangkan penggunaan sebenar bahasa oleh penuturnya. Dari sudut linguistik, bahasa itu mempunyai sistem dan peraturan tersendiri dalam menghasilkan pelbagai jenis kata terbitannya, dan peraturan ini lazimnya dideskripsikan dalam bentuk rumus. Secara prinsipnya, korpus, rumus dan kamus haruslah selari dan tidak bercanggah antara satu sama lain kerana ketiga-tiganya dipetik daripada satu sumber yang sama, iaitu bahasa pengguna. Namun begitu, ada kalanya data daripada korpus didapati bercanggah dengan rumus yang sedia ada, dan ini mendatangkan persoalan dan permasalahan dalam penyusunan kamus. Untuk menangani permasalahan ini, kemajuan ilmu linguistik teoretis harus dimanfaatkan dengan meneliti dan menilai semula rumus sebelum ini, sama ada pendeskripsian berpeda atau sebaliknya. Sekiranya kurang, rumus itu perlu diperbaiki dan diperkemas kini agar percanggahan dapat dihindari. Sehubungan dengan itu, kertas ini membincangkan isu percanggahan antara korpus dengan rumus dalam kata terbitan bahasa Melayu dengan meneliti *Kamus Dewan* terbitan 1970, 1984 dan 1994. Kertas ini kemudiannya menyarankan satu analisis baharu agar rumus dan korpus dapat disejajarkan tanpa sebarang percanggahan.

Abstract

A dictionary can be regarded as a database where the whole vocabularies including roots and derived words of a language are stored. The process of composing a dictionary, particularly, a general dictionary, is descriptive in nature where the listing of words are based on contemporary corpus representing the real usage of language in the community. In the linguistics perspective, a language has its own procedure and system in deriving various forms of derived words, and the procedures are formulated in terms of rules. Principally, the dictionary, rules and corpus should be well matched and do not contradict each other, since they are sourced from the same language. However, sometimes the data in the corpus do disagree with the established rules, and this can be a problem and a challenge to dictionary compiling work. By employing the current development of linguistic theory, this inconsistency can be accounted for. Old rules should be reviewed and reexamined to value their adequacies. If they are found to be inadequate, the rules should be restructured and reformulated so that the discrepancy can be regulated. Hence this paper attempts to discuss an issue on disagreement among three entities, namely the rules, the corpus and the dictionaries. For the purposes of this paper, we will be examining Kamus Dewan that was published in 1970, 1984, and 1994. Finally, the paper offers a new analysis, which demonstrates that the current rule is compatible with the contemporary data in the corpus.

PENDAHULUAN

Leksikologi ialah satu bidang ilmu yang mengkaji leksikon sesuatu bahasa secara saintifik. Secara umumnya, leksikologi meneliti perkara-perkara yang berhubung dengan etimologi, penerbitan kata di dalam leksikon, medan makna dan juga hubungan antara muka semantik dan maklumat nahu. Leksikografi pula ialah satu usaha atau kerja yang merekodkan hasil penelitian leksikologi dalam bentuk kamus. Kamus menyenaraikan semua bentuk leksikal yang terdapat dalam sesuatu bahasa itu berserta makna dan segala maklumat lain, seperti maklumat nahu, etimologi dan juga pragmatik (Hartmann, 1993).

Dari sudut ilmu morfologi, leksikal atau perkataan itu terbentuk daripada unit linguistik yang terkecil yang mempunyai makna yang dikenali sebagai morfem. Penggabungan morfem untuk menerbitkan pelbagai bentuk kata kadangkala menyebabkan bunyi-bunyi tertentu dalam morfem tersebut mengalami perubahan, dan perubahan ini bersifat nalar dan sistematis. Bidang linguistik yang meneliti perubahan ini dinamakan morfofonologi.

Analisis morfofonologi bertujuan untuk memerikan satu generalisasi atau rumus perilaku morfologi dan fonologi yang mendasari sistem nahu sesuatu bahasa itu. Pemerian rumus ini berlandaskan penerapan satu kerangka teori linguistik tertentu. Sesuatu pemerian aspek kenahuan itu kadangkala menimbulkan persoalan dan permasalahan apabila pendeskripsian rumus yang dikemukakan itu didapati bertentangan dengan korpus yang memperlihatkan penggunaan sebenar bahasa oleh penuturnya, seperti yang tersenarai di dalam kamus. Dalam hal ini, perkembangan ilmu linguistik teoretis dapat membantu menangani permasalahan yang wujud dalam bahasa berkenaan.

Pernyataan Masalah

Salah satu persoalan dan permasalahan yang timbul berhubung dengan aspek morfofonologi bahasa Melayu ialah proses pengimbuhan awalan *meN-* dengan kata dasar ekasuku kata. Ini melibatkan isu kegramatisan bentuk, misalnya yang manakah antara bentuk yang berikut dianggap betul dan gramatis: *menghadkan* atau *mengehadkan*, *mengkhaskan*, atau *mengekhaskan*, *menggam* atau *mengegam*?

Dari sudut morfologi, isu yang timbul di sini berhubung dengan pemilihan alomorf yang tepat, iaitu sama ada alomorf *meng-* atau *menge-*. Dari sudut fonologi pula, fenomena yang berlaku di sini ada kaitannya dengan pelaksanaan rumus penyisipan *schwa* yang beroperasi dalam konteks pengimbuhan awalan nasal *meN-* dengan kata dasar yang ekasuku kata.

Kajian Lepas

Sebelum kita menangani isu ini, ada baiknya kita meninjau dahulu beberapa pemerian dan penghuraian yang dilakukan oleh penulis-penulis sebelum ini tentang proses pengimbuhan awalan *meN-* dengan kata dasar yang ekasuku kata, seperti yang terkarang dalam buku-buku tatabahasa dan kamus. Buku dan kamus yang dipilih adalah yang diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pewajaran bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan institusi yang berwibawa dalam hal-hal kebahasaan dan ia juga terlibat secara langsung dalam proses perancangan, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu. Huraian tentang pemerian lampau ini dibahagikan kepada tiga, iaitu (i) maklumat buku tatabahasa, (ii) maklumat kamus, dan (iii) maklumat data korpus.

1. *Maklumat Buku Tatabahasa*

Dalam penelitian ini, dua buah buku tatabahasa telah dipilih, iaitu *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)* (Asmah 1986) dan *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan* (Nik Safiah, 1989). Dalam huraian mereka tentang morfem *meN-* dan penyebaran varian-variannya, kedua-dua penulis berkenaan merumuskan bahawa morfem *meN-* akan berubah menjadi *menge-* sekiranya kata dasar yang bergabung dengannya itu terdiri daripada satu suku kata tanpa mengira sama ada kata dasar tersebut kata asli atau kata pinjaman (Nik Safiah, 1989:110; Asmah, 1986:50&121).¹ Antara contoh yang diberikan termasuklah *mengebom*, *mengepam*, *mengepos*, *mengetin*, *mengelas*, *mengesyaki*, *mengesahkan* dan *mengecat*.

Kedua-dua buah buku tatabahasa tersebut tidak mencatatkan atau menyatakan terdapatnya kata-kata yang ekasuku kata yang terkecuali daripada rumus ini. Ini bermakna semua kata dasar yang terdiri daripada satu suku kata harus digabungkan dengan alomorf *menge-*, termasuklah kata-kata yang menimbulkan kekeliruan seperti *had*, *khas*, dan *gam* yang telah disebut sebelum ini. Tidak seperti buku *Nahu Melayu Mutakhir*, buku *Tatabahasa Dewan* dengan jelas mencatatkan bahawa bentuk terbitan bagi kata dasar *had* dan *khas* ialah *menghadkan* dan *mengekhaskan* (Nik Safiah, 1989:110).

2. *Maklumat Kamus*

Berbeza daripada buku tatabahasa, kamus tidak menyatakan atau menghuraikan rumus-rumus morf fonologi secara khusus. Penyusun kamus, khususnya untuk kamus umum, melaksanakan tugasnya dengan berasaskan pendekatan deskriptif, yakni menyenaraikan semua kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa itu berdasarkan data korpus yang kontemporari sifatnya yang digunakan oleh masyarakat bahasa berkenaan dalam kehidupan harian mereka. Seperti yang ditegaskan oleh Hartmann (1993:5), “penyusunan kamus merupakan aktiviti deskriptif, merakamkan penggunaan yang wujud dan bukan memberikan rumus preskriptif atau normatif tentang bagaimana kata-kata harus digunakan dan kata mana yang harus dielakkan”. Biasanya, sumber bahan yang menjadi rujukan utama ialah bahan-bahan bertulis dan juga lisan yang merangkumi buku, akhbar, majalah dan lain-lain.

1 Beberapa buah buku tatabahasa lain yang turut mengutarakan rumus yang sama termasuklah buku *Tatabahasa Bahasa Malaysia* (Arbak, 1981), *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia* (Abdullah, 1987), dan *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu* (Lutfi, 1975).

Kamus Dewan merupakan kamus terbaik yang menyenaraikan keseluruhan perbendaharaan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu. Senarai itu meliputi kata-kata masukan yang terdiri daripada kata dasar dan juga bentuk-bentuk terbitannya (kata dasar yang telah menerima imbuhan). Dengan melihat kata-kata terbitan yang tersenarai itu, secara tidak langsung kita juga boleh mendapatkan maklumat tentang rumus-rumus morf fonologi yang berlaku. Untuk tujuan kertas ini, penulis hanya meneliti kata-kata terbitan yang melibatkan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata dasar yang ekasuku kata sahaja yang terdapat dalam *Kamus Dewan* edisi 1970, 1986, dan 2002.²

1.	<i>Kamus Dewan</i> 1970	<i>Kamus Dewan</i> 1989	<i>Kamus Dewan</i> 2002
A.	mengebom » membom mengecap » mencap mengecat » mencat mengepam mengepos mengelap	mengebom mengecap mengecat mengepam mengepos mengelap mengesahkan mengesyaki mengekodkan	mengebom mengecap mengecat mengepam mengepos mengelap mengesahkan mengesyaki mengekodkan
B.	menghadkan menghalkan menghakkan menggamkan menggolkan mengkhaskan	menghadkan menghalkan menghakkan menggamkan menggolkan mengkhaskan menghon mencaskan menzipkan menzonkan	mengehadkan mengehalkan mengehakkan mengegamkan mengegolkan mengekhaskan mengehon mengecaskan mengezipkan mengezonkan
C.		mendrel membrek mendraf	mendrel membrek mendraf

2 Dalam kertas ini, kata terbitan yang muncul dalam paparan data direpresentasikan dalam bentuk ejaan, manakala di peringkat analisis fonologi, kata tersebut akan direpresentasikan dalam bentuk transkripsi fonetik.

Berdasarkan maklumat di atas, dua perilaku morfofonologi dapat dirumuskan, iaitu (i) ada kata dasar yang ekasuku kata yang menerima alomorf *menge-* (data A), dan (ii) ada kata dasar yang ekasuku kata yang tidak menerima alomorf *menge-*, tetapi sebaliknya menerima alomorf *meng-*, *mem-*, dan *men-* (data B dan C). Perkara yang kedua ini, pada hemat penulis, sangat penting kerana maklumat tersebut membuktikan bahawa rumus tentang penyebaran alomorf *menge-* yang diutarakan oleh penulis-penulis sebelum ini tidak keseluruhannya benar.

Berhubung dengan kata dasar *had*, *khas* dan *gam* yang menimbulkan kemusykilan dan keraguan di awal tadi, *Kamus Dewan* (1970, 1986) mencatatkannya sebagai *menghadkan*, *mengkhaskan* dan *menggamkan*, dan bukannya sebagai *mengehadkan*, *mengekhaskan* dan *mengegamkan*.³ Tetapi, apabila dirujuk *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga 2002), didapati beberapa perubahan telah berlaku. Misalnya, kata terbitan *mengkhaskan*, *menghadkan* dan *menggamkan* telah diubah menjadi *mengekhaskan*, *mengehadkan* dan *mengegamkan*.

3. Maklumat Data Korpus

Sebagai maklumat tambahan, kajian ini juga melihat proses morfofonologi yang melibatkan kemunculan varian *menge-*, *mem-*, *men-*, dan *meng-* dengan meneliti data korpus DBP-UKM yang berjumlah lima juta patah perkataan. Data yang dianalisis dalam kajian ini dijana dalam bentuk konkordans seperti yang tersenarai dalam contoh di bawah.

2. Contoh data konkordans yang dijana daripada korpus DBP-UKM

- 1 peringkat. Maksudnya, kita boleh *****menghadkan***** kuota pemain import untuk musim aka
- 2 Stesen televisyen tempatan mula *****menghadkan***** pembelian drama tempatan sejak Janu
- 3 GAN sederhana pada sesi tengah hari *****menghadkan***** kejatuhan di Bursa Saham Kuala Lump
- 4 undang-undang yang mencengkam serta *****menghadkan***** hak asasi manusia dan mengiktiraf

3 Dalam kamus-kamus lain seperti *Kamus Pelajar Baru* (Edisi KBSM) (Arbak, 1989), *Kamus Ejaan Bahasa Melayu* (Abdullah, 1992), dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1990) juga tercatat bentuk *menghadkan* dan bukannya *mengehadkan*. Za'ba (1953:2) juga dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu III* telah menggunakan bentuk *menghadkan* dan bukannya *mengehadkan*.

- 5 i enam bulan kepada tiga bulan dan ***menghadkan*** pertumbuhan kredit kepada 25 perat
- 1 oduk bermutu, tetapi masalah modal ***mengehadkan*** peluang mereka untuk berkembang.”
- 2 n, berkata mereka tidak seharusnya ***mengehadkan*** peluang kerjaya dengan memilih bid memudahkan
- 4 na cawangan Hong Kong. Dasar itu ***mengehadkan*** jumlah anak yang boleh dipelihara,
- 5 Mazlan Hashim berkata, Kemas perlu ***mengehadkan*** penggunaan balai raya dan bangunan

Data konkordans yang dijana oleh komputer ini dipaparkan secara berurutan mengikut bilangan nombor, justeru jumlah keseluruhan kemunculan data dapat diketahui dengan cepat dan mudah. Dalam kajian ini, penulis telah mengenal pasti beberapa kata terbitan bahasa Melayu yang mempunyai dua atau lebih varian seperti yang ditunjukkan dalam senarai (3) di bawah. Jumlah keseluruhan kemunculan varian ini di dalam korpus ditunjukkan di dalam kurungan.

3. Varian-varian kata terbitan dengan awalan meN-

A

menghadkan (71)
mengegam (0)
mengekhaskan (0)
mengkod (2)

B

menghadkan (48)
menggam (1)
mengekhaskan (1)
mengkod (3)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, apabila awalan nasal *meN-* bergabung dengan kata dasar yang ekasuku kata, dua perilaku fonologi telah berlaku, iaitu (i) vokal *schwa* disisipkan (data lajur A), dan (ii) konsonan nasal berhomorgan dengan obstruen yang berikutnya (data lajur B). Oleh sebab kesemua varian ini wujud di dalam korpus, maka analisis fonologi yang disarankan haruslah mampu menjelaskan kemunculan varian-varian tersebut secara baik dan berpeda.

Ulasan dan Pandangan

Buku tatabahasa dan kamus merupakan dua sumber utama yang menjadi rujukan para pelajar dan pengguna bahasa bagi mendapatkan penjelasan mengenai hal-hal kebahasaan. Penulisan sesuatu buku tatabahasa bertujuan

memberikan satu penghuraian yang menerangkan segala aspek struktur dan selok-belok penggunaan bahasa. Sebelum sesuatu huraian dibuat, terlebih dahulu gejala-gejala yang berlaku dalam bahasa itu akan dikaji dan diteliti, dan kemudian barulah disimpulkan dan dinyatakan dalam bentuk rumus tatabahasa. Rumus ini merupakan peraturan dan panduan yang harus dipegang dan dipatuhi oleh setiap pengguna bahasa. Penggunaan yang tidak menepati rumus tatabahasa dianggap salah dan tidak gramatis. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penulisan tatabahasa ialah penulisan yang mengutamakan pemerian rumus.

Penulisan kamus pula bertujuan memberikan satu penyenaian tentang perbendaharaan kata yang terdapat dalam bahasa selengkap yang mungkin. Kebiasaannya setiap kata masukan itu diberikan bentuk dasar, bentuk terbitan dan maknanya sekali. Pengumpulan perbendaharaan kata ini lazimnya berdasarkan data empiris yang dipetik daripada sumber bahasa tulisan dan juga lisan. Jikalau penulisan buku tatabahasa mementingkan rumus, penulisan kamus pula lebih mengutamakan penyenaian korpus.

Pada hemat penulis, pemerian rumus dalam buku tatabahasa dan penyenaian korpus dalam kamus harus selari dan seiring kerana keduanya merupakan hasil daripada satu sumber yang sama, iaitu bahasa. Tetapi, jikalau pemerian dan penyenaian yang dikemukakan oleh kedua-dua sumber rujukan ini tidak selaras dan bercanggah, maka tentu sahaja keadaan ini akan menimbulkan kekeliruan dan kesulitan. Ketidakselarasan ini membuatkan para pelajar dan pengguna bahasa Melayu berada dalam keadaan serba salah kerana mereka tidak pasti untuk membuat satu pilihan yang tepat.

Percanggahan antara rumus dengan korpus berkemungkinan disebabkan oleh tiga faktor, iaitu sama ada (i) ketidaktepatan kamus menyenaikan korpus, atau (ii) ketidaktepatan tatabahasa memerikan rumus, atau (iii) wujudnya kekecualian leksikal dalam bahasa. Dalam usaha untuk menangani permasalahan dan persoalan yang ditimbulkan di awal tadi, kita juga mempunyai tiga pilihan, iaitu sama ada (i) memperbaiki dan mengemaskinikan korpus yang ada, atau (ii) memperbaiki dan mengemaskinikan rumus tatabahasa, atau (iii) menyenaikan kekecualian leksikal di dalam tatabahasa.


Dalam kajian ini, penulis lebih cenderung memilih cara yang kedua, iaitu memperbaiki rumus tatabahasa. Pada hemat penulis, dalam kajian linguistik, rumus tatabahasa memang sentiasa berubah bersesuaian dengan aliran teori dan pendekatan terkini yang digunakan. Hasil analisis daripada kerangka teori mutakhir, secara langsung dapat membantu mementing-

katkan ilmu linguistik Melayu itu sendiri. Berhubung dengan isu morfofonologi yang dibincangkan di atas, penulis akan menerapkan kerangka teori fonologi suku kata dan fonologi mora (Hayes, 1989) untuk menangani fenomena yang berlaku.

Suku Kata dalam Teori Fonologi

Teori fonologi dewasa ini menyedari bahawa suku kata memainkan peranan penting dalam mendorong dan menentukan pelaksanaan sesuatu rumus fonologi. Justeru, pelbagai aspek tentang suku kata telah diselidiki, antaranya struktur suku kata, proses penyukuan kata, konstituen yang membina suku kata, dan aspek-aspek lain yang berkaitan. Banyak fenomena fonologi yang berlaku dalam bahasa telah dapat ditangani dengan baik dan berpeda melalui analisis teori suku kata, misalnya fenomena pemanjangan vokal, penyisipan vokal, pengguguran konsonan, tekanan, dan lain-lain.

Kebanyakan teori fonologi bersetuju bahawa suku kata itu ialah unit fonologi yang mempunyai struktur yang berhierarki. Struktur yang berhierarki lazimnya boleh digambarkan melalui rajah pohon seperti dalam (4) di bawah.



Unsur utama yang mendirikan sesebuah suku kata ialah nukleus, dan lazimnya semua vokal boleh menjadi nukleus. Dalam bahasa Melayu, hanya vokal sahaja yang boleh menjadi nukleus suku kata, dan bunyi konsonan tidak dibenarkan sama sekali. Namun begitu, sesetengah bahasa, misalnya bahasa Inggeris konsonan nasal dan likuida boleh menjadi nukleus di samping semua bunyi vokal yang ada. Konsonan yang berada di sebelah kiri nukleus diberi nama *onset*, dan yang berada di posisi sebelah kanan itu


dipanggil *koda*. Gabungan nukleus dan *koda* membentuk satu nodus yang diberi nama rima.

Dalam analisis teori fonologi Autosegmental, suku kata itu dikatakan mempunyai representasi fonologi yang terdiri daripada beberapa tingkat, iaitu tingkat suku kata, tingkat skeletal, dan tingkat melodi. Setiap tingkat ini mempunyai segmennya yang tersendiri. Misalnya, segmen bagi tingkat suku kata ialah σ , segmen bagi tingkat skeletal ialah K dan V, dan segmen bagi tingkat melodi ialah fonem konsonan dan vokal.

Segmen-segmen yang berada di tingkat-tingkat yang berlainan ini akan dihubungkan antara satu sama lain dengan garis penghubung (*association lines*) menurut konvensi universal Syarat Puma Bentuk (WFC) yang mensyaratkan garis penghubung tidak boleh bersilang (*cross*). Segmen-segmen ini hanya akan mempunyai realisasi fonetiknya pada peringkat representasi permukaan setelah proses penghubungan itu lengkap dilaksanakan. Dalam konteks binaan suku kata, proses penghubungan ini dinamakan proses penyukuan (*syllabification*).


Dalam proses penghubungan atau pemetaan dengan garis penghubung, prinsip yang perlu dipatuhi ialah bunyi vokal akan dihubungkan dengan gatra V, dan bunyi konsonan pula dipetakan kepada gatra K. Proses penghubungan segmen di antara satu tingkat dengan tingkat yang lain dapat ditunjukkan dalam representasi di bawah.

5. Tingkat suku kata




Representasi di atas terdiri daripada tiga tingkat, iaitu tingkat suku kata, tingkat skeletal dan tingkat melodi. Proses penghubungan dimulakan dengan menghubungkan fonem di tingkat melodi dengan gatra K dan V di tingkat skeletal dan akhirnya dengan segmen σ di tingkat suku kata. Seperti yang telah dinyatakan, garis penghubung mestilah tidak bersilang untuk menghasilkan bentuk yang tepat dan gramatis. Proses penghubungan yang menghasilkan struktur yang bersilang menyalahi konvensi Syarat Puma Bentuk (WFC) seperti yang ditunjukkan dalam (6).

6. Tingkat suku kata




Representasi di atas menunjukkan semua segmen telah dihubungkan antara satu dengan yang lain. Walaupun gatra K dihubungkan dengan konsonan, dan gatra V dihubungkan dengan vokal, namun proses penghubungan tersebut terdapat garis yang bersilang, yaitu pada suku kata kedua. Garis bersilang ini telah melanggar Syarat Purna Bentuk (WFC) dan bentuk yang terhasil itu adalah tidak gramatis.


Satu lagi model yang sering digunakan untuk merepresentasikan suku kata ialah dengan menggunakan unit mora untuk menggantikan gatra V dan K di tingkat skeletal. Mora merujuk kepada unit prosodi, dan merupakan elemen penting dalam analisis fonologi mora (*moraic phonology*) dan fonologi prosodik (*prosodic phonology*). Representasi mora dalam suku kata adalah seperti berikut:




Dari sudut teori fonologi mora (Hayes, 1989), semua bunyi vokal mempunyai mora di peringkat representasi leksikal, dan bagi konsonan pula hanya konsonan geminat sahaja yang mempunyai mora. Vokal pendek mempunyai satu mora, manakala vokal panjang memiliki dua mora. Konsonan pendek tidak mempunyai mora, manakala konsonan geminat mempunyai satu mora.




Selain dihubungkan dengan mora di peringkat dalaman (iaitu konsonan geminat), konsonan juga boleh memiliki mora melalui rumus fonologi yang dikenali sebagai pemberatan melalui posisi (*weight by position*) (Hayes, 1989). Rumus ini khusus untuk konsonan yang berada di posisi koda suku kata, dan pelaksanaannya bersifat khusus bahasa. Kajian ini mengandaikan bahawa suku kata bahasa Melayu terbina melalui pelaksanaan tiga rumus penyukuan yang dilakukan secara berurutan. Rumus penyukuan (RP) ini boleh diformalkan seperti di bawah.




Rumus pertama ialah rumus pembinaan nukleus, iaitu vokal yang mempunyai mora dihubungkan dengan nodus suku kata. Proses penghubungan ditandai dengan garis putus. Bagi bahasa Melayu, hanya bunyi vokal sahaja yang mempunyai mora di peringkat representasi leksikal.



Rumus kedua ialah rumus pembinaan *onset*, iaitu konsonan yang berada di posisi sebelah kiri vokal dihubungkan terus dengan nodus suku kata dan menjadi *onset* kepada suku kata tersebut. Semua bunyi konsonan bahasa Melayu boleh menjadi *onset* suku kata.




Rumus ketiga ialah rumus pembinaan koda, iaitu konsonan yang berada di posisi sebelah kanan vokal dihubungkan dengan mora dan seterusnya dengan nodus suku kata, dan ia menjadi koda kepada suku kata tersebut. Konsonan koda mendapat mora melalui rumus pemberatan melalui posisi (*weight by position*) (Hayes, 1989). Bukan semua konsonan bahasa Melayu boleh menjadi koda,⁴ dan kebanyakannya menjadi koda hanya di akhir kata, tetapi tidak di posisi tengah kata. Konsonan nasal dibenarkan mengisi posisi koda di tengah kata, jika konsonan obstruen pada *onset* berikutnya itu berhomorgan dengannya. Kekangan ini dinamakan kekangan syarat koda. Cara ketiga-tiga rumus penyukuan ini beroperasi di dalam kata dapat ditunjukkan dalam derivasi di bawah.




4 Untuk keterangan lanjut tentang syarat koda suku kata bahasa Melayu, sila lihat Teoh (1994).


c. RP 2



d. RP 3



e. Permukaan




Di peringkat dalaman (10a) hanya vokal sahaja yang memiliki mora. Rumus pembinaan nukleus (10b) menghubungkan mora dan membina nodus suku kata, manakala rumus pembinaan *onset* (10c) menghubungkan konsonan di sebelah kiri ke nodus suku kata yang sama. Rumus pemberatan melalui posisi memberikan mora kepada konsonan di belah kanan vokal,

dan menghubungkannya terus dengan nodus suku kata melalui rumus pembinaan koda. Konsonan nasal /n/ boleh menduduki posisi koda kerana ia berhomorgan dengan konsonan /d/, dan tidak mengingkari kekangan syarat koda bahasa Melayu (lihat Teoh, 1994).

Berdasarkan analisis teori fonologi mora, kajian ini mendapati bahawa proses penyisipan *schwa* yang berlaku dalam bahasa Melayu berpunca daripada masalah kekangan penyukuan. Sebelum kita menjelaskan mengapa dan bagaimana proses penyisipan *schwa* ini berlaku, kita harus terlebih dahulu mengetahui beberapa rumus fonologi yang berkaitan dengan imbuhan *meN-* bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, bentuk dasar bagi imbuhan awalan penanda aktif bahasa Melayu direpresentasikan sebagai /mən-/. /N/ merujuk kepada segmen nasal underspesifikasi (*underspecified nasal*) dan bukannya arkifonem seperti dalam analisis taksonomi. Dalam kosa ilmu fonologi autosegmental, segmen nasal ini lazim juga direpresentasikan sebagai [+nasal] sahaja. Nasal underspesifikasi hanya memiliki fitur nasal sahaja, manakala fitur daerah tidak dispesifikasikan di peringkat dalaman kerana kehadirannya boleh diramalkan. Nasal tersebut memperoleh fitur daerah artikulasinya melalui rumus asimilasi nasal. Rumus asimilasi nasal dalam kajian ini ditafsirkan sebagai satu proses penyebaran autosegmen daerah K daripada bunyi obstruen kepada segmen nasal yang mendahuluinya.


11. Rumus asimilasi nasal – penyebaran fitur daerah




Rumus di atas bermaksud fitur daerah daripada konsonan obstruen menyebar dari kanan ke kiri menuju ke gatra K di tingkat skeletal yang hanya mengandungi fitur nasal. Penyebaran ini bersifat pengisian fitur (*feature filling*) lalu menghasilkan struktur yang berhubungan. Asimilasi nasal dianggap sebagai asimilasi separa kerana hanya sebahagian fitur sahaja yang dikongsi bersama. Untuk menunjukkan bagaimana rumus ini

beroperasi dalam bahasa Melayu dapat dilihat dalam derivasi (12) di bawah:⁵


12. a. Representasi dalaman dengan penyukuan



b. Rumus asimilasi nasal – penyebaran fitur daerah



c. Rumus penyukuan semula – pembinaan koda




5 Dalam representasi ini, hanya fitur yang relevan sahaja dipaparkan. Fitur-fitur lain diabaikan kerana tidak berkaitan dengan proses fonologi yang dibincangkan.


Segmen nasal underspesifikasi tidak boleh disukukatakan kerana tidak menepati kekangan syarat koda bahasa Melayu (12a). Rumus asimilasi nasal memberikan fitur daerah kepada nasal tersebut melalui penyebaran autosegmen dari kanan ke kiri dan segmen nasal itu kini direalisasikan sebagai /n/ (12b). Oleh sebab segmen nasal itu berhomorgan dengan /d/, maka rumus pembinaan koda boleh dilaksanakan (12c), dan menghasilkan bentuk permukaan [m<ndapat].

Sebaliknya, jika dalam proses penderivasian itu rumus asimilasi nasa tidak beroperasi, maka melalui rumus *default* yang bersifat khusus bahasa, nasal /N/ akan direalisasikan sebagai konsonan nasal velar /ŋ/. Ini menjelaskan kehadiran alomorf *meng-* yang bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan vokal dan kata dasar yang bermula dengan konsonan /h/, misalnya kata *mengikat*, *mengubah*, *mengolah*, *mengelak*, *mengeram*, *mengarah* dan *menghantar*. Rumus *default* tidak boleh dianggap sebagai bersifat ad hoc kerana rumus seperti ini sememangnya wujud dalam bahasa manusia, dan pelaksanaannya adalah *cost free* dalam tatabahasa sesuatu bahasa (Teoh, 1994). Sila lihat derivasi di bawah.


13. a. Representasi dalaman dengan penyukuan



b. Rumus asimilasi nasal gagal – rumus default




c. Rumus penyukuan semula




Oleh sebab rumus asimilasi nasal gagal dilaksanakan, maka berdasarkan rumus *default* segmen nasal itu direalisasikan sebagai konsonan nasal velar /ŋ/ (13b). Segmen nasal /ŋ/ kemudiannya dihubungkan dengan suku kata berikutnya dan berdiri sebagai *onset* melalui rumus penyukuan semula.


Dalam menangani isu kegramatisan alomorf *meng-* atau *menge-*, kertas ini menganalisis fenomena fonologi yang berlaku itu sebagai rumus penyisipan *schwa*. Kehadiran vokal *schwa* di antara awalan *meN-* dan kata dasar yang bersuku kata satu itu didorong atau berpunca daripada masalah kekangan penyukuan. Dalam kajian ini juga, penulis bersetuju dengan pandangan Teoh (1994) dan Zaharani (2000) yang menyatakan bahawa representasi leksikal bagi kata dasar ekasuku kata itu adalah bersuku kata dua. Kata dasar tersebut mempunyai satu gatra V yang kosong di tingkat skeletal seperti yang digambarkan di bawah.



Oleh sebab kajian ini menerapkan pendekatan teori fonologi mora, maka representasi yang digunakan berbeza sedikit daripada kajian lepas. Dalam kajian ini, gatra yang kosong itu direpresentasikan dengan mora.




Seperti yang dapat dilihat, kata /bom/ di atas mempunyai dua mora, iaitu satu mora yang dihubung terus dengan vokal /o/, dan satu lagi mora kosong yang tidak mempunyai sebarang vokal. Penggabungan kata dasar /bom/ dengan awalan nasal /mƏN/ menghasilkan representasi yang berikut:




Untuk menunjukkan bagaimana analisis fonologi mora menjelaskan proses penyisipan *schwa* dalam bahasa Melayu, sila lihat derivasi (17) di bawah.


17. a. Representasi dalaman dengan penyukuan




b. Rumus asimilasi nasal gagal – rumus *default*



c. Rumus penyisipan *schwa*




d. Rumus penyukuan semula




Derivasi (17b) menunjukkan rumus asimilasi nasal gagal beroperasi di lingkungan tersebut. Melalui rumus *default*, segmen nasal under-spesifikasi direalisasikan sebagai segmen velar /ŋ/. Segmen nasal ini tidak boleh dihubungkan dengan mora dan menjadi koda kerana ia tidak berhomorgan dengan konsonan obstruen berikutnya. Satu-satunya cara untuk memastikan konsonan nasal dan mora boleh dihubungkan dengan suku kata adalah dengan menyisipkan vokal *schwa* (17c). Vokal *schwa* ini kemudiannya dihubungkan dengan mora dan seterusnya membina satu suku kata. Kehadiran suku kata ini mendorong konsonan nasal disukukatakan menjadi *onset* melalui rumus penyukuan semula (17d).

Sebaliknya, jika rumus asimilasi nasal beroperasi, maka dengan sendirinya rumus penyisipan *schwa* tidak diperlukan lagi kerana segmen nasal tersebut boleh disukukatakan menjadi koda suku kata. Sila lihat derivasi (18) di bawah.


18. a. Representasi dalaman dengan penyukuan



b. Rumus asimilasi nasal – penyebaran fitur daerah




c. Rumus penyukuan semula – pembinaan koda




Apabila rumus asimilasi nasal berlaku, maka segmen nasal itu telah mempunyai fitur daerah dan berhomorgan dengan konsonan obstruen berikutnya. Rumus penyisipan *schwa* tentunya tidak diperlukan lagi kerana mora yang kosong itu boleh dihubungkan dengan konsonan nasal tersebut dan seterusnya dihubungkan dengan nodus suku kata sebelumnya. Proses derivasi di atas dapat menjelaskan penghasilan kata terbitan *menzipkan*, *menzonkan*, *mencaskan*, *membrek*, *mendrel*, dan *mendrafkan*.

Berdasarkan penjelasan di atas, ternyata analisis fonologi mora berbeza daripada analisis Teoh (1994) dan Zaharani (2000). Dalam analisis ini, segmen mora boleh dihubungkan dengan dua segmen yang berbeza, iaitu vokal *schwa* dan konsonan nasal yang homorgan dengan obstruen berikutnya. Sekiranya konsonan nasal telah mengisi posisi koda, maka dengan sendirinya penyisipan *schwa* tidak boleh beroperasi. Dengan analisis ini, kita dapat menelaah dengan tepat mengapakah penggabungan awalan /məN-/ dengan kata dasar /gam/ menghasilkan [məŋgam] dan bukannya *[məŋəgam]. Proses derivasi yang menghasilkan kata [məŋgam] adalah seperti yang berikut:


19. a. Representasi dalaman dengan penyukuan



b. Asimilasi nasal gagal – rumus default



c. Rumus penyukuan semula




Dalam derivasi (19b), konsonan nasal /ŋ/ dihasilkan melalui rumus *default* dan bukannya rumus asimilasi nasal. Walau bagaimanapun, konsonan nasal ini adalah berhomorgan dengan konsonan /g/ yang berikutnya. Justeru, ia boleh dihubungkan dengan mora dan disukukatakan menjadi koda suku kata pertama. Apabila proses penyukuan telah lengkap dan sempurna, iaitu semua segmen melodi dan mora telah dihubungkan dengan nodus suku kata, maka dengan sendirinya rumus penyisipan tidak diperlukan. Analisis di atas juga dapat menjelaskan sebab mengapa kata dasar yang bermula dengan konsonan velar /x/ dan /k/ seperti /xas/ ‘khas’ dan /kod/ ‘kod’ direalisasikan sebagai [məŋxaskan] ‘mengkhaskan’ dan [məŋkod] ‘mengkod’.


Seterusnya analisis fonologi mora juga dapat menjelaskan sebab mengapa kata dasar yang bermula dengan bunyi geluncuran glotal /h/ seperti /had/, /hal/, dan /hak/ muncul sebagai [məŋhadkan] ‘menghadkan’, [məŋhalkan] ‘menghalkan’ dan [məŋhaʔkan] ‘menghakkan’ dalam korpus bahasa Melayu. Perlu ditegaskan di sini, sungguhpun rangkap /ŋ/ dan /h/ tidak berhomorgan, namun kewujudan rangkap tersebut dibenarkan dan dianggap tidak melanggar kekangan syarat koda bahasa Melayu (iaitu [məŋhantar] ‘menghantar’, [məŋhasut] ‘menghasut’, dan lain-lain). Namun,

sekiranya rumus penyisipan *schwa* dilaksanakan juga, maka konsonan nasal /ŋ/ kini harus disukukatakan menjadi *onset*, dan derivasi ini menghasilkan kata [məŋəgam] seperti yang ditunjukkan di bawah.


20. a. Representasi dalaman dengan penyukuan




b. Rumus asimilasi nasal gagal – rumus *default*



c. Rumus penyisipan *schwa*



d. Rumus penyukuan semula



KESIMPULAN

Secara prinsipnya, korpus, rumus dan kamus haruslah selari dan tidak bercanggah antara satu sama lain kerana ketiga-tiganya dipetik daripada satu sumber yang sama, iaitu bahasa yang digunakan oleh penuturnya. Namun begitu, ada kalanya data daripada korpus didapati bercanggah dengan rumus yang sedia ada, dan ini mendatangkan persoalan dan permasalahan dalam penyusunan kamus. Untuk menangani permasalahan ini, kemajuan ilmu linguistik teoretis harus dimanfaatkan dengan meneliti dan menilai semula rumus sebelum ini, sama ada pendeskripsiananya berpada atau sebaliknya. Sekiranya kurang, rumus itu perlu dianalisis semula, diperbaiki dan dikemaskinikan agar percanggahan dapat dihindari. Kemunculan sekumpulan data yang tidak menepati rumus umum yang disarankan jangan cepat dianggap salah dan tidak gramatis. Kesannya lebih buruk, apabila bentuk-bentuk yang lazim digunakan oleh penutur dikeluarkan daripada korpus bahasa Melayu. Langkah seperti ini tidak menggalakkan usaha pencarian dan pembinaan ilmu, khususnya ilmu linguistik Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1987. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan, 1992. *Kamus Ejaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arbak Othman, 1989. *Kamus Pelajar Baru (Edisi KBSM)*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Broselow, E., 1995. "Skeletal Positions and Mora" dlm. J. A. Goldsmith (ed.) *The Handbook of Phonological Theory*. Cambridge: Blackwell Publishers.
- Clements, G.N. dan Keyser, S.J., 1985. *CV Phonology: A Generative Theory of the Syllable*. Cambridge: The MIT Press.
- Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (Edisi Kedua)*, 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goldsmith, J.A., 1990. *Autosegmental and Metrical Phonology*. Cambridge: Basil Blackwell, Inc.

- Hartmann, R.R.K., 1993. *Leksikografi: Prinsip dan Amali*. Diterjemah oleh Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hayes, B., "Compensatory Lengthening in Moraic Phonology" dlm. *Linguistic Inquiry* 20, hlm. 253–306, 1989.
- Kamus Bahasa Malaysia (Edisi Pelajar)*, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (Terbitan Khas KBSP)*, 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1989. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan*, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi Baru)*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi Ketiga)*, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenstowicz, M., 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Cambridge: Blackwell.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, "Pemanjangan dan Penyisipan Vokal dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Autosegmental" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:12, hlm. 1202–1221, 2000.